

# GADING

majalah akademik itm  
cawangan pahang.



BIL. 1

JILID 2

JAN/JUN 1990

## daftar isi :

1. KOMUNIKASI
2. A MODEL SOLUTION FOR RADAR SURVEILLANCE  
LB  
2300  
.G33
3. KOMUNIKASI ILMU: BEBERAPA PERSOALAN
4. TESTING AND MEASUREMENT: AN OVERVIEW
5. PREDICTION BASED ON REGRESSION ANALYSIS
6. MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN DAN PERSPEKTIF  
MASA DEPANNYA
7. A.C. THIN FILM ELECTROLUMINESCENCE
8. KONSEP KEDAULATAN DALAM ISLAM
9. INFINITESIMAL RIGIDITY OF FRAMEWORKS

# KONSEP KEDAULATAN DALAM ISLAM

Oleh: Ustaz Abdul Khalil b Mohd. Khalid

## PENDAHULUAN

Satu daripada ide dalam bidang Sains Politik dan Undang-Undang Antarabangsa yang paling menimbulkan pertikaian ialah 'konsep kedaulatan'. Kedaulatan disebut di dalam bahasa Inggeris sebagai 'sovereignty' yang berasal dari bahasa Latin 'superanus' dengan maksud 'kuasa tertinggi'. Meskipun usaha para sarjana telah banyak dicurahkan untuk menjelaskan konsep ini tetapi hasilnya lebih banyak mengeliru dan membingungkan para pelajar Sains Politik dan Undang-Undang Antarabangsa<sup>1</sup>.

## KEDAULATAN SEBUAH NEGARA ISLAM

Antara persoalan yang menjadi perbincangan di kalangan sesetengah ulama masa kini ialah menentukan siapakah sebenarnya pemegang kedaulatan di dalam sebuah Daulah Islamiah. Sesetengah pendapat mengatakan kedaulatan bagi negara Islam ialah dari Allah dan sebahagian pula mengatakan kedaulatan itu dari umat di dalam negara berkenaan.

### A. Pendapat yang mengatakan kedaulatan adalah dari umat

Pendapat ini merupakan pendapat yang popular bagi beberapa penulis Islam masa kini. Antara mereka ialah Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'i, Abdul Wahhab Khallaf, Muhammad Rasyid Ridha dan Ali Abdul Raziq<sup>2</sup>.

Golongan ini membawa beberapa alasan bagi menyokong pendapat mereka. Antaranya ialah seperti berikut;

- i. Beberapa prinsip pemerintahan dalam Islam ialah pelaksanaan 'syura' dan 'bai'ah' dalam perkara yang berkaitan dengan perlantikan ketua negara. Pelaksanaan syura oleh 'Ahli Halli wal Aqdi' menunjukkan bahawa umat mempunyai kuasa untuk menentukan pimpinannya sendiri. Dalam perlantikan Abu Bakar contohnya, beliau telah dilantik oleh syura sahabat

---

1. *Dr. Sobri Salamon (U.I.A) Kertas kerja bertajuk 'Pandangan Islam terhadap konsep kedaulatan', Seminar Perundangan Islam, oleh Persatuan Undang-Undang Uni. Malaya antara 30 - 31hb. Julai 1983.*

2. *Dr. Abd. Hamid al-Mutawalli, Mabadi Nizam al-Hukm fi al-Islam, Iskandariah, Mansyaah al-Maarif, 1974. Lihat penerangan nota kaki hlm. 169.*

dan kemudian diberi bai'ah oleh seluruh rakyat Daulah Islamiah Madinah. Ini menunjukkan umat mempunyai kedaulatan<sup>3</sup>.

ii. Berdasarkan Hadith yang bermaksud;

*"Umat ku tidak berkumpul (bersatu pendapat) dalam sesuatu kesesatan."<sup>4</sup>*

Hadith ini sebagai jaminan dari Rasulullah SAW bahawa apabila umat Islam berkumpul untuk bermesyuarat maka Allah SWT menjamin bahawa mereka tidak akan membuat sesuatu usul yang boleh membawa kepada kesesatan. Oleh itu umat diberi kuasa oleh Allah untuk menentukan teraju negara dan pendapat umat dipelihara oleh Allah SWT.

iii. Petikan dari firman Allah yang bermaksud;

*"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada 'ulil amri' (orang yang berkuasa) di kalangan kamu"<sup>5</sup>.*

'Wajh istidlal' dalam ayat tersebut ialah perkataan 'ulil amri'. Sebahagian ulama seperti al-Razi, al-Naisaburi dan Muhammad Abduh mentafsirkan perkataan itu sebagai 'Ahli Halli wal Aqdi', para umara', para ulama, ketua tentera dan para pembesar negara yang menjadi rujukan umum mengenai sesuatu hajat atau keperluan. Mereka mestilah seorang mukmin<sup>6</sup>. Maka segala keputusan yang dikeluarkan oleh golongan ini wajib ditaati oleh umat selagi tidak bertentangan dengan Islam. Itulah yang mereka takrifkan sebagai kedaulatan umat.

---

3. Ini merupakan pendapat Syeikh Muhammad Bakhit yang terkuat. Beliau juga berpendapat bahawa konsep kedaulatan berasal dari umat merupakan 'ittifaq' para ulama dan umat Islam adalah umat pertama yang membincangkan persoalan ini. Lihat, *Al-Mutawalli, Mabadi Nizam al-Hukm fi al-Islam, hlm. 195.*

4. Hadith riwayat al-Tarmidhi dari Abdullah bin Umar.

5. *Al-Quran, surah al-Nisa' (4 : 59).*

6. *Al-Mutawalli, Mabadi Nizam al-Hukm al-Islam, hlm. 181.*

## B. Pendapat yang menyatakan kedaulatan adalah dari Allah SWT.

Penulis masa kini yang mempelopori pendapat ini ialah Abu Al-A'la Al-Maududi<sup>7</sup>. Pendapat beliau disokong oleh Muhammad Asad dengan hujah dan kritikan yang panjang lebar<sup>8</sup>. Aliran ini berpendapat bahawa Rasulullah SAW atau ketua negara adalah manusia yang diberi mandat oleh Allah SWT untuk menjalankan titah perintahnya. Ketaatan yang wajib diberikan oleh umat kepada mereka berpunca dari tanggungjawab mereka melaksanakan segala hukum Allah. Di antara banyak hujah untuk pendapat ini ialah;

- i. Pada hakikatnya, kedaulatan dalam pengertian aqidah Islamiah dan politik terletak di tangan Allah SWT. Tidak ada seorang manusia pun yang memiliki kedaulatan itu biarpun ia seorang Nabi atau Rasul. Apa yang dibuat oleh para nabi dan rasul tidak lebih dari apa yang diwahyukan oleh Allah SWT. Firman Allah yang bermaksud;

*"Dan tidak kami utuskan seorang rasul melainkan untuk ditaati dengan izin Allah"*<sup>9</sup>.

Perkataan 'dengan izin Allah' menunjukkan bahawa ketaatan kita kepada rasul yang menjadi pemimpin adalah 'muqayyad' iaitu selagi arahan itu dalam lingkungan keizinan Allah. Para rasul tidak mempunyai kuasa untuk bebas dari ikatan tersebut. Firman Allah yang bermaksud;

*"Dan tidak akan (Rasulullah) mengatakan sesuatu mengikut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada Al-Quran atau Hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyikan kepadanya"*<sup>10</sup>.

Ayat ini menjelaskan kedudukan Rasulullah SAW. Apa yang lahir dari baginda adalah suatu yang diwahyikan dan bukan berdasarkan nafsu atau fikirannya sendiri. Oleh itu semua yang dilakukan oleh baginda termasuk pelaksanaan daulah Islamiah adalah perintah dan petunjuk dari Allah SWT. Allah berfirman yang maksudnya berbunyi;

- 
7. Lihat Abu al-A'la al-Maududi, **First Principles of the Islamic State**, hlm. 23 - 25.
  8. Lihat Muhammad Asad, **Asas-asas negara dan pemerintahan dalam Islam**, hlm. 45 - 48.
  9. *Al-Qur'an, Surah al-Nisa' (4 : 64;)*.
  10. *Al-Qur'an, Surah al-Najm (53 : 3 - 4)*.

*"Sebenarnya hukum hanya bagi Allah<sup>11</sup>"*

Dalam ayat ini secara jelas Allah menafikan segala bentuk kekuasaan selain kekuasaan Allah. Tidak ada suatu kuasa boleh mengambil hukum selain yang ditetapkan oleh Allah. Allah memberi penerangan berupa ancaman yang tegas dalam ayat-ayatNya yang lain. Contohnya firman Allah yang bermaksud;

*"Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu orang-orang yang zalim<sup>12</sup>"*

Ayat ini berupa amaran dari Allah terhadap sesiapa sahaja yang tidak mahu berhukum dengan hukum Allah. Mereka yang engkar ini digolongkan oleh Allah sebagai 'penzalim' atau di dalam ayat yang lain sebagai 'fasiq' dan 'kafir' yang tentunya akan ditempatkan ke dalam neraka di akhirat kelak.

Demikianlah dari sekian banyak ayat-ayat Al-Qur'an yang menjadi hujjah bagi menyokong pendapat ini<sup>13</sup>.

- ii. Kerajaan adalah berbentuk ketuhanan (theokrasi). Menurut Al-Maududi lagi, pemerintahan Islam tidak boleh dikatakan sebagai kerajaan demokrasi sepenuh malah ia mirip kepada theokrasi. Namun theokrasi dalam Islam tidak sama dengan theokrasi barat. Ia mempunyai perbezaan yang amat jauh kerana theokrasi barat diasaskan kepada paderi-paderi yang telah menukar hukum-hukum tuhan menurut sesuka hati mereka dan kemudian mereka mendakwa apa yang mereka perbuat itu datangnya dari Allah. Kenyataan ini disebut oleh Allah dengan jelas di dalam firmanNya yang bermaksud;

*"Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli agama sebagai pendidik-pendidik (berhubung dengan hukum-hukum, mereka mengambil pendapat pendita) selain Allah<sup>14</sup>"*

---

11. Al-Qur'an, Surah Yusuf (12 : 40).

12. Al-Qur'an Surah Al-Maidah (5 : 45).

13. Lihat juga Al-Qur'an, Surah Al-Maidah (5 : 44, 47 dan 95), Al-A'raf (7 : 203), Yunus (10 : 15 dan 109), Al-Kahf (18 : 110), Taha (20 : 12 dan 38), Al-Ambia' (21 : 108), Al-Ahzab (33 : 2), Al-Ahkaf (46 : 9) dan Al-Najm (53 : 4).

14. Al-Qur'an, Surah al-Taubah (9 : 31).

Theokrasi dalam Islam tidak diperintah oleh mana-mana golongan ahli agama tetapi oleh seluruh anggota masyarakat. Maksudnya seluruh penduduk daulah Islamiah berkewajipan memainkan peranan masing-masing dalam mengendalikan negara berasaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Daulah Islamiah boleh dinamakan 'theo-demokrasi'. Walaubagaimana pun perlu berhati-hati dengan istilah ini supaya diberi pengertian mengikut perspektif Islam sebenar.

### C. Pendapat penulis

Penulis lebih cenderung kepada pendapat yang mengatakan bahawa kedaulatan terletak di tangan Allah. Pendapat ini merupakan pandangan yang lebih selamat kerana ia juga merupakan sikap para salaf.

- i. Berdasarkan kepada banyak ayat al-Qur'an yang diutarakan bagi menyokong pendapat ini, menunjukkan bahawa kebenaran lebih banyak memihak kepadanya.
- ii. Jika dikaji asal usul teori kedaulatan ini, ia berasal dari Perancis dalam abad keenam belas yang dipelopori oleh Jean Bodin (1530-1596) yang berusaha mengekalkan pemerintahan beraja. Usaha dibuat untuk memberikan kuasa pemerintahan kepada rakyat lantaran sikap para raja yang zalim. Aliran ini didokong oleh John Locke (1632-1704) dan kemudiannya disambung oleh Jacques Rousseau (1712-1778)<sup>15</sup>. Tujuan ketertinggian kuasa ini diberi kepada rakyat semata-mata untuk mengujudkan suasana keadilan seperti aspirasi Montesquieu dalam teori pengasingan kuasanya. Sedangkan Islam, sumber keadilannya bukanlah terbit dari teori yang seumpama ini. Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah dan Sunnah Rasulullah SAW sudah cukup menjamin keadilan bagi seluruh alam ini andainya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.
- iii. Dr. Abdul Hamid al-Mutawalliy telah dengan panjang lebar mengkritik pendapat yang mengatakan kedaulatan dari umat. Secara ringkasnya dapatlah diperturunkan seperti berikut<sup>16</sup>.

---

15. *Sabri Salamon, Pandangan Islam terhadap konsep kedaulatan, Seminar Perundangan Islam, Uni. Malaya, hlm. 2.*

16. *Dr. Abdul Hamid al-Mutawalliy, Mabadi' Nizam al-Hukm fi al-Islam, hlm. 185 - 193.*

- a. Dakwaan Syeikh Muhammad Bakhit dan Ali Abdul Raziq yang mengatakan ulama terdahulu telah berbincang tentang konsep kedaulatan dan ada di antara mereka yang setuju dengan pendapat keduanya adalah tidak benar. Ini kerana konsep kedaulatan itu sendiri lahir setelah ulama tersebut meninggal dunia.
- b. Dalam beberapa hujjah Ali Abdul Raziq, beliau menggunakan syair-syair Arab klasik dan beberapa pendahuluan surat khalifah di zaman Umayyah sebagai sandaran. Ini bererti beliau tidak bergantung kepada dalil syarak dan tidak boleh dipertahankan dari segi ilmiahnya.

Begitu juga terdapat di dalam beberapa hujjah beliau yang bercanggah antara satu dengan lain. Sebagai kesimpulannya penulis bersetuju dengan pandangan Dr. Abdul Hamid al-Mutawalliy dan ingin menurunkan pandangan beliau sebagai seorang sarjana yang begitu banyak membincangkan konsep kedaulatan ini. Menurut beliau, konsep kedaulatan masa kini khususnya bagi umat Islam adalah tidak perlu. Konsep ini telah lapuk ditelan zaman. Sejarah perundangan moden membuktikan bahawa konsep kedaulatan tetap tidak dapat menjamin kebebasan dan keadilan sesebuah negara. Sebaliknya ia telah dieksploitasikan oleh para pemerintah moden hari ini untuk menekan rakyat. Di sesetengah negara konsep ini telah menjadi punca penindasan<sup>17</sup>.

Pengamatan kita di Malaysia yang mengamalkan konsep ketertinggian parlimen yang berpunca dari konsep kedaulatan rakyat tidak dapat menjamin keadilan malah ternyata beberapa kecurangan dilakukan khususnya oleh pihak yang berkuasa. Pengambilan konsep yang ternyata menimbulkan masalah ini akan menyusahkan lagi bagi sebuah daulah Islamiah.<sup>18</sup> Secara amnya konsep ini lebih banyak negatif dari positifnya kepada sebuah daulah Islamiah.

---

17. *Dr. Abdul Hamid al-Mutawalliy, Mabadi' Nizam al-Hukm fi al-Islam, hlm. 183 - 184.*

18. *Ibid, hlm. 193.*

## BIBLIOGRAFI

1. *Al-Mutawalliy, Dr. Abdul Hamid, Mabadi' Nizam al-Hukm fi al-Islam, Iskandariah, Mansyaah al-Maarif, 1974.*
2. *Al-Maududiy, Abu al-A'la, First Principles of the Islamic State, Lahore, Islamic Publications Ltd. 1968.*
3. *Muhammad Asad, Asas-Asas Negara dan Pemerintahan Islam, terj. Jakarta, 1964.*
4. *Dr. Sobri Salamon, kertas kerja bertajuk 'Pandangan Islam terhadap konsep kedaulatan', Seminar Perundangan Islam, oleh Persatuan Undang-Undang Universiti Malaya bertarikh 30 - 31hb. Julai 1983.*
5. *Al-Qur'an al-Karim.*
6. *Hadith Sunan al-Tarmidhi.*